

Presiden wanita kedua India

FOTO: AFP

Droupadi Murmu daripada puak minoriti India dilantik terajui negara

NEW DELHI

Seorang wanita daripada puak minoriti di India dilantik sebagai Presiden ke-15 India pada Khamis setelah pencalonannya meraih sokongan parti pemerintah, Parti Bharatiya Janata (BJP).

Pelantikan Droupadi Murmu, 64, daripada suku Santhal di daerah terpencil, Mayurbhanj dibuat selepas lebih se-
paruh ahli Parlimen menyokongnya.

Kemenangan Murmu turut disambut baik Perdana Menteri, Narendra Modi yang memberikan jambangan bunga kepadanya selain menzahirkan ucapan tahniah menerusi Twitter.

“Kejayaannya menjadi teladan dan memberi motivasi kepada seluruh rakyat negara ini.

“Beliau muncul sebagai harapan baru kepada seluruh rakyat terutamanya golongan miskin, terpinggir dan tertindas,” ujar Modi yang bertanggungjawab mencalonkan Murmu.

Sementara itu, pesaing rapatnya, Yashwant Sinha juga akur dengan kekalahanannya.

“Kami berharap Presiden baharu ini akan memegang tanggungjawab untuk



DROUPADI MURMU

Murmu pernah memegang jawatan menteri kerajaan negeri dan dilantik sebagai Gabenor Jharkhand.

memelihara perlembagaan tanpa rasa takut atau pilih kasih,” katanya menerusi Twitter.

Difahami, bekas guru itu merupakan Presiden wanita kedua India selepas Pratibha Patil yang memegang jawatan

tersebut selama lima tahun pada 2007 selain mengambil alih tampuk pemerintahan daripada Ram Nath Kovind yang menjadi pemimpin kedua dilantik daripada komuniti Dalit iaitu kasta paling rendah di negara tersebut. - AFP